



قوسٲ كاجين فقه الأسرة

PUSAT KAJIAN FIQH AL-USRAH

KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA
SERI BEGAWAN

MAKLUMAT PENGAJIAN SESI AKADEMIK 2019/2020



PENGENALAN

Pusat Kajian Fiqh al-Ussrah diperkenankan penubuhannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi warkah bilangan warkah bilangan: HMPO 4/2007/1 bertarikh 28hb Oktober 2015. Pusat ini diletakkan di bawah pentadbiran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

OBJEKTIF

1. Menjadi pusat kajian dan penyelidikan ilmiah berhubung dengan kefahaman Fiqh al-Ussrah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi keperluan ugama, masyarakat, negara dan negara.
2. Mengembangluaskan dan menggalakkan budaya penulisan dan penyelidikan secara ilmiah dan empirik di kalangan tenaga akademik KUPU SB khususnya dan para intelektual serta ahli-ahli akademik dalam bidang keluarga Islam amnya. Melalui aktiviti tersebut diharap akan dapat memberi kontribusi nyata yang sesuai dengan prinsip-prinsip Islam.
3. Menjalinkan hubungan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan di dalam dan luar negara untuk melakukan kajian dan penyelidikan mengenai Fiqh al-Ussrah. Berkolaborasi dengan agensi-agensi yang berkenaan dalam meningkatkan penghayatan keluarga sakinah mawaddah dan rahmah di negara ini, serantau dan antarabangsa.
4. Sebagai pusat kajian yang sentiasa memantau perkembangan kontemporari perundangan Islam yang berkaitan dengan keluarga Islam dan dapat membantu pihak yang berautoriti dalam perundangan Islam menangani isu-isu yang berkaitan dengan kes-kes Mal khususnya kes-kes yang tertangguh.
5. Sebagai satu saluran pemberian perkhidmatan akademik dan sumbangan ke arah pembangunan keluarga sakinah mawaddah dan rahmah di Negara Brunei Darussalam.
6. Melahirkan institusi keluarga Muslim yang berwawasan, mantap dan kukuh mengenai ajaran Islam terutama dalam bidang kekeluargaan.

PERANAN

1. Pusat Kajian Fiqh al-Ussrah berperanan sebagai institusi rujukan yang berhubungkait dengan kefahaman yang sahih tentang keluarga sakinah, mawaddah dan rahmah.
2. Pusat ini berperanan dalam menjalankan kajian kehidupan kekeluargaan dengan mengemukakan hujah-hujah ilmiah yang kukuh lagi bernas dalam bentuk tulisan, buku, poster dan sebagainya.
3. Pusat ini juga akan bergiat aktif dalam sama-sama memberikan pemikiran kehidupan keluarga sakinah, mawaddah dan rahmah di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.
4. Pusat ini berperanan bagi mengenal pasti isu-isu kekeluargaan dan kaedah mengatasinya.
5. Sebagai pusat yang bekerjasama dengan pihak yang berautoriti dalam mentafsir, menjelaskan dan memperincikan perkara yang berkaitan dengan Undang-Undang Keluarga Islam.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

PUSAT KAJIAN FIQH AL-USRAH

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Km 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha,

Bandar Seri Begawan, BA 2111,

Negara Brunei Darussalam.

Tel: +673 2236277 Fax: +673 2225226

Email: info@kupu-sb.edu.bn, URL: www.kupu-sb.edu.bn